

D.R. 38/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Timbang Tara 2005.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Timbang Tara (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Timbang Tara 2005 [*Akta 646*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2, dengan memasukkan selepas takrif “pihak” takrif yang berikut:

‘ “Presiden” erti Presiden Mahkamah Timbang Tara Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia;’.

Pindaan seksyen 3

3. Seksyen 3 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (2)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “Bahagian I, II dan IV” dengan perkataan “Bahagian I dan II, Bab 2 Bahagian III dan Bahagian IV”; dan
- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “Bahagian III” dengan perkataan “Bab 1 Bahagian III”;

(b) dalam subseksyen (3)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “Bahagian I, II dan IV” dengan perkataan “Bahagian I dan II, Bab 2 Bahagian III dan Bahagian IV”; dan
- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “Bahagian III” dengan perkataan “Bab 1 Bahagian III”;

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) Berkenaan dengan timbang tara antarabangsa, jika tempat timbang tara adalah bukan di Malaysia atau tiada tempat timbang tara tetapi apa-apa perkhidmatan berhubung dengan timbang tara itu diberikan di Malaysia, Bab 2 Bahagian III Akta ini hendaklah terpakai.”; dan

(d) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “Bahagian III” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Bab 1 Bahagian III”.

Pindaan seksyen 9

4. Perenggan 9(4)(b) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “pembelaan” perkataan “atau apa-apa dokumen lain”.

Seksyen baharu 9A

5. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 9 seksyen yang berikut:

“Undang-undang yang terpakai bagi perjanjian timbang tara

9A. (1) Pihak-pihak adalah bebas untuk bersetuju mengenai undang-undang yang terpakai bagi perjanjian timbang tara.

(2) Jika pihak-pihak gagal bersetuju di bawah subseksyen (1), undang-undang yang terpakai bagi perjanjian timbang tara ialah undang-undang tempat timbang tara.

(3) Persetujuan oleh pihak-pihak mengenai undang-undang yang terpakai bagi suatu perjanjian yang perjanjian timbang tara menjadi sebahagian daripadanya tidaklah menjadi suatu persetujuan nyata bahawa undang-undang itu jugalah yang akan terpakai bagi perjanjian timbang tara itu.”.

Pindaan seksyen 13

6. Seksyen 13 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) Bagi maksud subseksyen (3), jika terdapat berbilang pihak menuntut atau berbilang responden, semua pihak menuntut hendaklah secara bersesama melantik seorang penimbang tara dan semua responden hendaklah secara bersesama melantik seorang penimbang tara.”;

(b) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “Pengarah Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia)” dengan perkataan “Presiden”;

- (c) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “Pengarah Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia)” dengan perkataan “Presiden”;
- (d) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan “Pengarah Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia)” dengan perkataan “Presiden”;
- (e) dalam subseksyen (7), dengan menggantikan perkataan “Pengarah Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia)” dengan perkataan “Presiden”;
- (f) dalam subseksyen (8), dengan menggantikan perkataan “Pengarah Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia)” dengan perkataan “Presiden”; dan
- (g) dalam subseksyen (9), dengan menggantikan perkataan “Pengarah Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia)” dengan perkataan “Presiden”.

Pindaan seksyen 17

7. Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen 17(2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Melainkan jika dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak, jika mana-mana penimbang tara termasuk penimbang tara penggerusi diganti, pendengaran yang diadakan terdahulu boleh diulang mengikut budi bicara tribunal timbang tara.”.

Pindaan seksyen 33

8. Seksyen 33 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Bagi maksud subseksyen (2), “tandatangan” termasuklah tandatangan digital dan tandatangan elektronik.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (8) subseksyen yang berikut:

“(9) Dalam seksyen ini—

(a) “tandatangan digital” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Tandatangan Digital 1997 [Akta 562]; dan

(b) “tandatangan elektronik” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perdagangan Elektronik 2006 [Akta 658].”.

Pindaan seksyen 38

9. Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen 38(1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Suatu award yang dibuat berkenaan dengan timbang tara jika tempat timbang tara adalah di Malaysia atau award dari suatu Negara asing hendaklah diiktiraf sebagai mengikat dan, atas permohonan secara bertulis kepada Mahkamah Tinggi, hendaklah dikuatkuasakan tertakluk kepada seksyen 39.”.

Pindaan Bahagian III

10. Bahagian III Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas kepala Bahagian III kepala yang berikut:

“Bab 1
Prosiding dan pendengaran

(b) dalam perenggan 41A(2)(c), dalam teks bahasa kebangsaan dengan memotong perkataan “penasihat” selepas perkataan “seorang”; dan

(c) dengan memasukkan selepas seksyen 46 bab yang berikut:

“Bab 2
Pembentangan pihak ketiga

Takrif

46A. Dalam Bab ini—

- (a) “kos atau belanja timbang tara” termasuklah apa-apa kos atau belanja timbang tara yang dibuat sebelum permulaan timbang tara, atau semasa prosiding timbang tara atau prosiding mahkamah yang berhubungan dengan timbang tara itu;
- (b) “pembentangan pihak ketiga” ertinya seseorang yang merupakan pihak kepada perjanjian pembentangan pihak ketiga yang menyediakan pembentangan pihak ketiga kepada pihak yang dibiaya dan tidak mempunyai kepentingan yang diiktiraf oleh undang-undang dalam timbang tara pihak yang dibiaya, selain di bawah perjanjian pembentangan pihak ketiga;
- (c) “pembentangan pihak ketiga” ertinya suatu pembentangan oleh pembentangan pihak ketiga bagi kesemua atau sebahagian daripada kos dan belanja timbang tara pihak yang dibiaya yang dibuat di bawah perjanjian pembentangan pihak ketiga sebagai balasan bagi pembentangan pihak ketiga menerima suatu faedah kewangan hanya jika timbang tara itu berjaya mengikut pengertian perjanjian pembentangan pihak ketiga;
- (d) “perjanjian pembentangan pihak ketiga” ertinya suatu perjanjian secara bertulis bagi suatu pembentangan pihak ketiga antara pihak yang dibiaya dengan pembentangan pihak ketiga; dan
- (e) “pihak yang dibiaya” ertinya seseorang yang pernah menjadi atau merupakan pihak, atau yang berkemungkinan menjadi pihak kepada suatu timbang tara dan merupakan pihak kepada perjanjian pembentangan pihak ketiga.

Ketidakpakaian Bab ini

46B. Bab ini tidak terpakai bagi mana-mana perjanjian pemberian pihak ketiga yang dibuat sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Bab ini.

Rukun menentang *maintenance and champerty* hendaklah terhenti terpakai

46c. (1) Rukun *common law* menentang *maintenance and champerty* hendaklah terhenti terpakai berhubung dengan pemberian pihak ketiga dan suatu perjanjian pemberian pihak ketiga tidak boleh dikira sebagai berlawanan dengan dasar awam atas alasan *maintenance and champerty*.

(2) Pemberhentian pemakaian rukun *common law* menentang *maintenance and champerty* di bawah subseksyen (1) tidaklah menjelaskan mana-mana rukun undang-undang tentang hal-hal yang suatu kontrak dikira sebagai berlawanan dengan dasar awam atau selainnya menyalahi undang-undang.

Tataamalan

46d. (1) Menteri boleh mengeluarkan suatu tataamalan yang memperuntukkan mengenai amalan dan standard yang berhubungan dengan pemberian pihak ketiga yang secara biasanya diharapkan akan dipatuhi oleh pemberian pihak ketiga.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), tataamalan itu boleh memperuntukkan bagi—

(a) kehendak mengenai promosi pemberian pihak ketiga;

(b) kehendak mengenai suatu perjanjian pemberian pihak ketiga termasuk takat kawalan yang akan dippunyai oleh pemberian pihak ketiga berhubung dengan suatu timbang tara, tanggungan pihak yang dibiaya dan penamatkan perjanjian pemberian pihak ketiga;

- (c) kriteria bagi seseorang pembiaya pihak ketiga termasuk amaun modal minimum yang mencukupi yang perlu dipenuhi oleh pembiaya pihak ketiga;
 - (d) tatacara untuk menangani konflik kepentingan kemungkinan, sebenar atau tanggapan oleh seseorang pembiaya pihak ketiga; dan
 - (e) tatacara untuk meningkatkan perlindungan bagi pihak yang dibiaya.
- (3) Tataamalan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah disiarkan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.
- (4) Menteri boleh membatalkan, mengubah, menyemak semula atau meminda keseluruhan atau sebahagian apa-apa tataamalan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini.
- (5) Tataamalan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini boleh diterima sebagai keterangan dalam prosiding di hadapan mana-mana mahkamah atau tribunal timbang tara.

Ketidakpatuhan terhadap tataamalan

46E. (1) Apa-apa ketidakpatuhan terhadap mana-mana peruntukan tataamalan yang dikeluarkan di bawah seksyen 46D tidak boleh, dengan sendirinya, menyebabkan pembiaya pihak ketiga dikenakan apa-apa tindakan atau prosiding undang-undang.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), mana-mana pematuhan atau ketidakpatuhan terhadap mana-mana peruntukan tataamalan boleh diambil kira oleh mana-mana tribunal timbang tara atau mahkamah jika pematuhan atau ketidakpatuhan itu adalah berkaitan dengan persoalan yang sedang diputuskan oleh tribunal timbang tara atau mahkamah itu.

Penzahiran maklumat bagi maksud mencari atau mendapatkan pembiayaan pihak ketiga

46F. (1) Walau apa pun seksyen 41A, apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding timbang tara di bawah perjanjian timbang tara atau suatu award yang dibuat dalam prosiding timbang tara itu boleh dizahirkan atau disampaikan oleh suatu pihak kepada mana-mana orang bagi maksud mencari atau mendapatkan pembiayaan pihak ketiga daripada orang itu.

(2) Orang yang disebut dalam subseksyen (1) tidak boleh selanjutnya menzahirkan atau menyampaikan maklumat yang dizahirkan atau disampaikan kepadanya di bawah subseksyen itu melainkan jika penzahiran atau penyampaian lanjut itu—

- (a) dibuat untuk melindungi atau meneruskan suatu hak atau kepentingan di sisi undang-undang orang itu;
- (b) dibuat kepada mana-mana badan kerajaan, badan kawal selia, mahkamah atau tribunal dan orang itu berkewajipan di bawah undang-undang untuk membuat penzahiran atau penyampaian itu; atau
- (c) dibuat kepada seorang profesional atau mana-mana penasihat lain bagi maksud memperoleh nasihat yang berhubungan dengan pembiayaan pihak ketiga.

(3) Jika suatu penzahiran atau penyampaian lanjut dibuat oleh orang yang disebut dalam subseksyen (1) itu kepada seorang profesional atau penasihat di bawah perenggan (2)(c), profesional atau penasihat itu tidak boleh selanjutnya menzahirkan atau menyampaikan maklumat yang diterima itu kecuali mengikut subseksyen (2).

Penzahiran mengenai perjanjian pемbiayaan pihak ketiga

46G. (1) Jika pihak yang dibiaya telah membuat suatu perjanjian pемbiayaan pihak ketiga, pihak yang dibiaya itu hendaklah menzahirkan atau menyampaikan kepada pihak lain kepada timbang tara itu dan tribunal timbang tara atau mahkamah yang di hadapannya prosiding berkenaan dengan timbang tara itu dibawa, mengikut mana-mana yang berkenaan, fakta bahawa suatu perjanjian pемbiayaan pihak ketiga telah dibuat dan nama pемbiaya pihak ketiga dalam perjanjian pihak ketiga itu.

(2) Penzahiran atau penyampaian di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat—

- (a) jika perjanjian pемbiayaan pihak ketiga dibuat pada atau sebelum permulaan timbang tara atau prosiding mahkamah berkenaan dengan timbang tara, pada permulaan timbang tara atau prosiding mahkamah itu; atau
- (b) jika perjanjian pемbiayaan pihak ketiga dibuat selepas permulaan timbang tara atau prosiding mahkamah berkenaan dengan timbang tara, dalam masa lima belas hari selepas perjanjian pемbiayaan pihak ketiga itu dibuat.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), jika tiada tribunal timbang tara dilantik pada akhir tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (2)(b), penzahiran atau penyampaian di bawah subseksyen (1) kepada tribunal timbang tara hendaklah dibuat dengan segera selepas tribunal timbang tara dilantik.

Penzahiran mengenai penamatkan atau berakhirnya perjanjian pемbiayaan pihak ketiga

46H. Jika suatu perjanjian pемbiayaan pihak ketiga ditamatkan atau telah berakhir, pihak yang dibiaya hendaklah, dalam masa lima belas hari selepas penamatkan atau berakhirnya perjanjian pемbiayaan pihak ketiga, menzahirkan atau menyampaikan kepada pihak lain kepada timbang tara itu, dan tribunal timbang tara atau

mahkamah yang di hadapannya prosiding yang berkenaan dengan timbang tara dibawa, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika ada, fakta bahawa perjanjian pembiayaan pihak ketiga telah ditamatkan atau telah berakhir dan tarikh penamatkan perjanjian pembiayaan pihak ketiga itu atau tarikh perjanjian pembiayaan pihak ketiga itu berakhir.

Ketidakpatuhan terhadap seksyen 46F, 46G dan 46H

46I. (1) Apa-apa ketidakpatuhan terhadap mana-mana peruntukan di bawah seksyen 46F, 46G dan 46H tidak boleh, dengan sendirinya, menyebabkan pembiaya pihak ketiga dikenakan apa-apa tindakan atau prosiding undang-undang.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), mana-mana pematuhan atau ketidakpatuhan terhadap mana-mana peruntukan di bawah seksyen 46F, 46G dan 46H boleh diambil kira oleh mana-mana tribunal timbang tara atau mahkamah jika pematuhan atau ketidakpatuhan itu adalah berkaitan dengan persoalan yang sedang diputuskan oleh tribunal timbang tara atau mahkamah itu.”.

Pindaan seksyen 48

11. Seksyen 48 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Pengarah Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia) atau mana-mana orang lain” dengan perkataan “Mana-mana orang”.

Kecualian

12. (1) Semua pelantikan, keputusan atau apa-apa tindakan lain yang dibuat, diberikan atau dilakukan oleh Pengarah Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia) sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, disifatkan telah dibuat, diberikan atau dilakukan oleh Presiden Mahkamah Timbang Tara Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia dan hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan sehingga dibatalkan, dipinda, dimansuhkan, ditamatkan atau diganti oleh Presiden Mahkamah Timbang Tara Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia.

(2) Undang-undang yang terpakai bagi suatu perjanjian timbang tara yang dibuat sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diuruskan di bawah Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Timbang Tara 2005 (“Akta 646”) untuk meningkatkan kedudukan Malaysia dalam kalangan komuniti timbang tara antarabangsa global dengan menambah baik struktur organisasi Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia selaras dengan pelaksanaan Perjanjian Tambahan antara Kerajaan Malaysia dengan Pertubuhan Perundingan Undang-Undang Asia-Afrika yang berhubungan dengan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia di Kuala Lumpur bertarikh 20 Februari 2024, dengan mengharmonikan peruntukan dalam Akta 646 dengan Undang-Undang Model mengenai Timbang Tara Perdagangan Antarabangsa Suruhanjaya Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Perdagangan Antarabangsa (“Undang-Undang Model UNCITRAL”) dan dengan memasukkan peruntukan mengenai pembiayaan pihak ketiga.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 646 untuk memasukkan takrif “Presiden” ke dalam Akta 646 yang merujuk kepada Presiden Mahkamah Timbang Tara Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia yang akan menggantikan Pengarah Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia). Ini adalah untuk menunjukkan inisiatif penstrukturkan semula Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia supaya selaras dengan pelaksanaan Perjanjian Tambahan antara Kerajaan Malaysia dengan Pertubuhan Perundingan Undang-Undang Asia-Afrika yang berhubungan dengan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia di Kuala Lumpur bertarikh 20 Februari 2024.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 646 mengenai pemakaian Akta 646 bagi timbang tara dan award berbangkit daripada kemasukan Bab 2 Bahagian III yang baharu dicadangkan ke dalam Akta 646 mengenai pembiayaan pihak ketiga.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta 646 yang berhubungan dengan bentuk perjanjian timbang tara. Dengan pindaan ini, perjanjian timbang tara adalah bertulis jika ia terkandung dalam pertukaran apa-apa dokumen lain dan bukan hanya dalam pertukaran pernyataan tuntutan dan pernyataan pembelaan.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 9A ke dalam Akta 646 untuk memperuntukkan bahawa jika pihak-pihak kepada timbang tara gagal bersetuju mengenai undang-undang yang terpakai bagi perjanjian timbang tara mereka, undang-undang yang terpakai bagi perjanjian timbang tara itu ialah undang-undang tempat timbang tara.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 13 Akta 646 mengenai pelantikan penimbang tara dengan memasukkan subseksyen baharu (3A) ke dalam Akta 646 untuk memperuntukkan bahawa jika timbang tara terdiri daripada tiga orang penimbang tara dan terdapat berbilang pihak menuntut atau berbilang responden, semua pihak menuntut hendaklah secara bersama-sama melantik seorang penimbang tara dan semua responden hendaklah secara bersama-sama melantik seorang penimbang tara. Ini akan memberikan kejelasan berkenaan dengan pelantikan penimbang tara. Selain itu, *fasal* ini juga bertujuan untuk menggantikan istilah “Pengarah Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia)” di mana-mana juga terdapat dengan istilah “Presiden” sebagaimana yang ditakrifkan dalam *fasal 2*.
8. *Fasal 7* bertujuan untuk menggantikan subseksyen 17(2) Akta 646 untuk memperuntukkan bahawa, melainkan jika dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak, jika mana-mana penimbang tara termasuk penimbang tara pengerusi diganti, apa-apa pendengaran yang diadakan terdahulu boleh diulang mengikut budi bicara tribunal timbang tara.
9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 33 Akta 646 yang berhubungan dengan bentuk dan kandungan award untuk memperuntukkan bahawa tandatangan penimbang tara pada suatu award termasuklah tandatangan digital dan elektronik penimbang tara pada award itu. “Tandatangan digital” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Tandatangan Digital 1997 [Akta 562] manakala “tandatangan elektronik” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perdagangan Elektronik 2006 [Akta 658].
10. *Fasal 9* bertujuan untuk menggantikan subseksyen 38(1) Akta 646 mengenai pengiktirafan dan penguatkuasaan award yang dibuat berkenaan dengan suatu timbang tara jika tempat timbang tara adalah di Malaysia atau award dari suatu Negara asing supaya peruntukan ini dapat diharmonikan dengan peruntukan Undang-Undang Model UNCITRAL. Dengan pindaan ini, award yang dibuat berkenaan dengan timbang tara itu hendaklah diiktiraf sebagai mengikat pada awal-awal lagi tanpa memerlukan suatu permohonan dibuat di Mahkamah Tinggi bagi pengiktirafannya.
11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda Bahagian III Akta 646 mengenai peruntukan tambahan yang berhubungan dengan timbang tara dengan membahagikan Bahagian III kepada dua Bab bagi membolehkan kemasukan peruntukan mengenai pembiayaan pihak ketiga bagi timbang tara ke dalam Akta 646.

Subfasal 10(a) bertujuan untuk meminda Bahagian III dengan memasukkan selepas kepala Bahagian III kepala bagi Bab baharu 1.

Subfasal 10(b) bertujuan untuk meminda perenggan 41A(2)(c) dalam teks bahasa kebangsaan Akta 646 untuk menjelaskan bahawa istilah “profesional” yang digunakan dalam perenggan itu merujuk kepada mana-mana profesional dan bukan sahaja terbatas kepada penasihat profesional. Pindaan ini juga adalah selaras dengan teks bahasa Inggeris perenggan 41A(2)(c) Akta 646.

Subfasal 10(c) bertujuan untuk memasukkan Bab baharu 2 ke dalam Bahagian III Akta 646 yang terdiri daripada seksyen 46A hingga 46I.

Seksyen baharu 46A bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai takrif bagi istilah tertentu yang digunakan dalam Bab 2 Bahagian III Akta 646, iaitu “kos atau belanja timbang tara”, “pembiaya pihak ketiga”, “pembayaran pihak ketiga”, “perjanjian pembayaran pihak ketiga” dan “pihak yang dibiaya”.

Seksyen baharu 46B bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Bab 2 Bahagian III Akta 646 tidak terpakai bagi mana-mana perjanjian pembayaran pihak ketiga yang dibuat sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Bab ini.

Seksyen baharu 46C bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa rukun *common law* menentang *maintenance and champerty* hendaklah terhenti terpakai berhubung dengan pembayaran pihak ketiga bagi timbang tara dan bahawa suatu perjanjian pembayaran pihak ketiga tidak boleh dikira sebagai berlawanan dengan dasar awam atas alasan *maintenance and champerty*. Dengan peruntukan ini, pembayaran pihak ketiga bagi timbang tara dan prosiding mahkamah yang berkenaan dengan timbang tara tidak lagi dilarang di Malaysia.

Seksyen baharu 46D bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa Menteri untuk mengeluarkan suatu tataamalan yang memperuntukkan bagi amalan dan standard yang berhubungan dengan pembayaran pihak ketiga yang secara biasanya diharapkan akan dipatuhi oleh pembiaya pihak ketiga. Seksyen ini juga memperuntukkan bahawa tataamalan hendaklah disiarkan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dan Menteri boleh membatalkan, mengubah, menyemak semula atau meminda keseluruhan atau sebahagian apa-apa tataamalan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini.

Seksyen baharu 46E bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesan ketidakpatuhan dan pematuhan terhadap tataamalan yang dikeluarkan di bawah seksyen 46D.

Seksyen baharu 46F bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penzahiran maklumat oleh suatu pihak bagi maksud mencari atau mendapatkan pembayaran pihak ketiga daripada seseorang.

Seksyen baharu 46G bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penzahiran mengenai perjanjian pembayaran pihak ketiga oleh pihak yang dibiaya kepada pihak lain kepada timbang tara, tribunal timbang tara dan mahkamah.

Seksyen baharu 46H bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penzahiran mengenai penamatian atau berakhirnya perjanjian pembayaran pihak ketiga oleh pihak yang dibiaya kepada pihak lain kepada timbang tara, tribunal timbang tara dan mahkamah.

Seksyen baharu 46I bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai kesan ketidakpatuhan dan pematuhan terhadap mana-mana peruntukan di bawah seksyen baharu 46F, 46G dan 46H.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 48 Akta 646 mengenai kekebalan institusi timbang tara dengan memotong sebutan mengenai Pengarah Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia) dalam seksyen itu. Dengan pindaan ini, seksyen ini akan memperuntukkan secara am bahawa mana-mana orang atau institusi yang bertindak atas sifat pihak berkuasa melantik yang dibenarkan oleh pihak-pihak tidaklah bertanggungan bagi apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan pada menunaikan fungsi itu melainkan jika ditunjukkan bahawa perbuatan atau peninggalan itu adalah dengan niat jahat.
13. *Fasal 12* memperkatakan tentang peruntukan kecualian.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amanannya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)3379]